Oleh Zulkifli Salleh

Memastikan Pertumbuhan

IAN Bremmer, melalui Facebook pada 23 Januari tahun ini, menyatakan 10 buah negara mencatatkan pertumbuhan ekonomi terpantas pada tahun 2015, dengan China dan India penyebut sepunya. Dalam senarai negara yang dikuasai negara Asia itu, India menduduki tangga teratas dengan pertumbuhan 7.5 peratus, diikuti Qatar 7.1 peratus, dan China di tangga ketiga, dengan pertumbuhan 6.8 peratus. Empat buah negara dari Asia Tenggara turut tersenarai, iaitu Filipina (keempat, 6.7 peratus), Vietnam (keenam, 6.0 peratus), Indonesia (ketujuh, 5.2 peratus) dan Malaysia (kelapan, 4.8 peratus). Tiga buah negara lain ialah Bangladesh (kelima, 6.3 peratus), Nigeria (kesembilan, 4.8 peratus), dan Angola (ke-10, 4.5 peratus). Meskipun data yang dikemukakan oleh Bremmer, presiden dan pengasas Eurasia Group itu, kurang tepat, misalnya pada tahun 2015, China mencatatkan pertumbuhan 6.9 peratus dan Malaysia pula, kadar pertumbuhan suku keempat tahun 2015 belum diumumkan, "ralat" ini dijangkakan tidak menjejaskan senarai negara yang mencatatkan pertumbuhan pada tahun lalu. Hal ini dikatakan demikian kerana Malaysia sebagai contoh, menurut ramalan antarabangsa, adalah antara negara yang mencatatkan pertumbuhan yang pantas pada tahun lalu.

Peserta industri seharusnya memanfaatkan kemudahan yang dapat dijanakan melalui era teknologi dan maklumat secara optimum.

Sementara itu, dalam "Meet 2016's Worst Economic Performers," *BloombergBusiness* pada 11 Januari lalu, menyenaraikan negara dengan ramalan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) masing-masing dengan kebarangkalian kemelesetan. India diramalkan mencatatkan pertumbuhan paling tinggi, iaitu 7.4 peratus, diikuti Vietnam dan Bangladesh yang diramalkan tumbuh masing-masing 6.6 peratus – kebarangkalian kemelesetan untuk tiga buah negara ini adalah sifar peratus.

Daripada lebih 90 buah negara itu, China di tangga keempat, iaitu ramalan pertumbuhan 6.5 peratus, manakala kebarangkalian kemelesetan 12 peratus. Malaysia menduduki tangga ke-13 dengan ramalan pertumbuhan sebanyak 4.5 peratus dengan kebarangkalian kemelesetan 10 peratus. Dalam senarai itu juga, dinyatakan 10 buah negara yang dijangkakan mencatatkan pertumbuhan yang teruk, dengan didahului oleh Venezuela (-3.3 peratus). Dua buah negara maju, iaitu Jepun (1.0 peratus) dan Switzerland (1.2 peratus), dua buah negara BRICS, iaitu Brazil (-2.5 peratus) dan Rusia (-0.5 peratus), turut tersenarai.

Melihat ramalan tersebut, Malaysia boleh dikatakan dalam keadaan yang agak selesa jika dibandingkan dengan banyak negara lain, termasuk negara jiran, Singapura, yang dijangkakan tumbuh 2.3 peratus dan kebarangkalian kemelesetan 13 peratus. Walau bagaimanapun, dalam dunia pengurusan, sering diingatkan, "bagaimana jika:" Bagaimana jika harga minyak terus jatuh? Bagaimana jika ekonomi China lembap? Bagaimana jika ekonomi global dan negara maju mencatatkan pertumbuhan yang lemah?

Menyedari hakikat tersebut, Malaysia mengambil langkah proaktif – "panik sebelum perang meletus kerana jika perang benar-benar berlaku, maka tidak ada apa-apa lagi yang perlu panik" – mengumumkan inisiatif penstrukturan dan pengubahsuaian Belanjawan 2016. Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, dalam perutusan khas, "Proaktif, Telus dan Realistik" pada 28 Januari, memaklumkan bahawa "Penstrukturan dan pengubahsuaian Belanjawan 2016 itu berpaksikan dua tunjang; pertama, memastikan pertumbuhan ekonomi akan terus kukuh atas landasan yang betul dan kedua, menjaga serta memelihara kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat."

Beliau yang membandingkan senario ekonomi sejak 1997/1998 dengan realiti sekarang – menolak kemungkinan Malaysia terjebak dalam kegawatan ekonomi sekali lagi, dengan mengemukakan contoh antaranya, pertumbuhan KDNK secara purata 5.6 peratus, pengurangan defisit fiskal daripada 6.7 peratus kepada 3.2 peratus, kadar inflasi terkawal, dan kadar kemiskinan tegar hampir sifar.

Dalam pada itu, Perdana Menteri menyedari realiti yang terpaksa diharungi oleh negara pada tahun ini. Beliau memetik Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang menjangkakan pertumbuhan global akan lebih perlahan, daripada 3.6 peratus kepada 3.4 peratus. Beliau juga menyatakan perdagangan dunia yang dijangkakan menyusut, daripada 4.1 peratus kepada 3.4 peratus, manakala harga minyak mentah dunia terus merudum pada paras AS$30 setong, berbanding dengan AS$48 setong ketika pembentangan Belanjawan 2016. Beliau turut membangkitkan kejatuhan nilai Ringgit berbanding dengan Dolar Amerika, sebanyak 11.3 peratus, daripada RM3.77 pada Jun 2015 kepada RM4.25 setakat Januari 2016.

Sehari selepas pengumuman inisiatif penstrukturan dan pengubahsuaian Belanjawan 2016, ekonomi Amerika dilaporkan hanya mencatatkan pertumbuhan 0.7 peratus pada suku keempat tahun 2015. Dengan itu, ekonomi negara itu tumbuh 2.4 peratus pada tahun lalu – sama dengan tahun 2014. Sejak tahun 2005, ekonomi Amerika tumbuh tidak lebih tiga peratus.

Tentang nilai Ringgit Malaysia, seperti yang dilaporkan oleh *BloombergBusiness* pada 27 Januari, keadaan mula berubah, iaitu memperlihatkan peningkatan. Dalam *"Ringgit Gain Tops Emerging Markets as Najib, Oil Lift Sentiment,"* Ringgit meningkat lebih tinggi berbanding dengan mata wang lain dalam pasaran sedang muncul kerana Perdana Menteri dibersihkan daripada penyiasatan rasuah dan minyak diniagakan 15 peratus lebih tinggi daripada paras terendah dalam masa lebih satu dekad. Ringgit terus meningkat melampaui purata bergerak *(moving average)* 100 harinya, menunjukkan isyarat bullish untuk mata wang ini yang meningkat pada bulan ini, manakala kebanyakan mata wang di Asia melemah. Dengan Dato' Sri Mohd. Najib kini mampu memberikan perhatian sepenuhnya terhadap ekonomi yang terjejas oleh kemerosotan komoditi, perhatian akan diberikan pada penyemakan belanjawan pada hari Khamis untuk gambaran yang lebih jelas tentang tinjauan ekonomi.

Malaysia mengambil langkah proaktif – "panik sebelum perang meletus kerana jika perang benar-benar berlaku, maka tidak ada apa-apa lagi yang perlu panik".

Dalam inisiatif penstrukturan dan pengubahsuaian Belanjawan 2016, Perdana Menteri mengumumkan 11 langkah baharu dan terkini, pengurangan caruman pekerja untuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak tiga peratus mulai Mac 2016 hingga Disember 2016, tetapi caruman majikan kekal; pelepasan khas cukai RM2000 kepada pembayar cukai individu

Economics - Malaysian Plan

yang berpendapatan RM8000 sebulan ke bawah, untuk taksiran tahun 2015; pengurangan kos harga barang keperluan harian; pengehadan penjualan rumah berharga sehingga RM300 ribu hanya kepada pembeli pertama; penyediaan sumbangan peratus daripada levi HRDF (Dana Pembangunan Sumber Manusia) yang berjumlah RM200 juta untuk meningkatkan kompetensi dan kemahiran pekerja; peningkatan jumlah dan kecekapan kutipan hasil; pelaksanaan Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI yang bekerja secara haram; perbelanjaan kerajaan yang lebih berhemat, terutamanya dalam bekalan dan perkhidmatan; penumpuan program pembangunan untuk kepentingan rakyat, yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi, dan kandungan import yang rendah; penambahan dana pembiayaan RM6 bilion untuk institusi kewangan pembangunan (DFI) dan dana modal teroka milik kerajaan, untuk membiayai perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan syarikat permulaan; dan saranan agar syarikat berkaitan dengan kerajaan (GLC) melaksanakan inisiatif mengurangkan jurang pendapatan antara pengurusan atasan dengan pekerja, secara berperingkat.

Langkah pertama, iaitu pengurangan caruman pekerja daripada 11 peratus kepada lapan peratus dijangkakan meningkatkan penggunaan swasta sehingga RM8 bilion setahun, dengan itu, membantu memacu pertumbuhan ekonomi kerana pekerja mempunyai wang lebihan.

Menurut penyelidikan daripada Oxford Economics, 17 buah daripada 25 buah pengeluar minyak utama dunia membangun mungkir terhadap hutang mereka.

Namun begitu, oleh sebab pengurangan caruman ini merupakan pilihan dan bukannya mandatori, terpulanglah pada mereka untuk membuat pilihan antara penggunaan pada masa ini dengan simpanan masa depan. Bagi langkah kedua, penjimatan pembayaran cukai individu sehingga RM475 untuk dua juta pembayar cukai, menambahkan pendapatan boleh guna mereka, dan seterusnya meningkatkan penggunaan swasta.

Dalam inisiatif ini juga, kerajaan menyemak semula unjuran pertumbuhan KDNK tahun 2016 antara empat peratus hingga 4.5 peratus dan harga minyak mentah Brent antara AS$30 hingga AS$35 setong. Perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan dipotong sebanyak RM9.5 bilion (3.6 peratus).



Keruntuhan harga minyak benar-benar menjejaskan ekonomi negara pengeluar/pengimport minyak, seperti Venezuela dan Rusia, manakala Arab Saudi tidak terkecuali. Pada akhir Januari 2016, IMF menggesa Arab Saudi melaksanakan langkah jimat cermat kerana kemungkiran hutang semakin menghantui. Pengeluar minyak mentah terbesar di dunia, menurut IMF, perlu "mentransformasikan" ekonominya dengan tidak lagi bergantung pada hasil minyak, yang menyumbang lebih 80 peratus kekayaan kerajaan. Sementara itu, sebuah lagi negara pengeluar minyak, Azerbaijan, pada akhir Januari dilaporkan memerlukan AS$4 bilion pakej pelan penyelamat antarabangsa untuk mengelakkan kemungkiran hutang.

Ketika keruntuhan harga minyak dunia pada tahun 1986, menurut penyelidikan daripada Oxford Economics, 17 buah daripada 25 buah pengeluar minyak utama dunia membangun mungkir terhadap hutang mereka. Beban hutang di negara pengeluar meningkat sebanyak 40 peratus KDNK secara purata.

Mampukah negara mencatatkan pertumbuhan sekiranya harga komoditi itu terus jatuh? Dalam Forum Pengubahsuaian Belanjawan 2016, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah dipetik sebagai berkata, "Berdasarkan pelbagai senario yang dijalankan oleh kerajaan menunjukkan bahawa Malaysia mampu mengekalkan pertumbuhan dan belanjawan yang diubah suai itu masih pada landasan yang betul selagi harga minyak mentah kekal di atas AS$25 setong."

Tan Sri Dr. Mohd. Irwan yang menjadi ahli forum bersama-sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Wahid Omar dan Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, walau bagaimanapun mengakui bahawa sekiranya harga minyak jatuh lebih rendah lagi, keadaan ini akan memberikan cabaran yang besar bukan sahaja kepada Malaysia, tetapi juga terhadap ekonomi global.

Sementara itu, Zeti dipetik sebagai berkata bahawa "Pemotongan caruman KWSP memberikan wang lebihan kepada rakyat, sekali gus meningkatkan permintaan penggunaan domestik." Menurut beliau, permintaan domestik menjadi pemacu utama bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Komitmen kerajaan untuk mengekalkan defisit 3.1 peratus KDNK, sekali gus, mengurangkan keberhutangan kerajaan untuk ke arah belanjawan berimbang, dipercayai dapat meningkatkan keyakinan pelabur. Sejak krisis hutang melanda zon euro, hutang kerajaan sekitar 50 peratus KDNK dan hutang isi rumah di Malaysia sekitar 145 peratus pendapatan sering digembar-gemburkan melalui media sosial pembangkang, kononnya negara akan jatuh muflis, seperti Greece. (Sebenarnya dengan membayar hutang yang cukup tempoh dengan berhutang, Greece dapat mengelakkan daripada mungkir. Hanya pada 30 Jun 2015, Greece gagal membayar balik pinjaman yang dijadualkan berjumlah AS$1.7 bilion kepada IMF, menjadikan negara maju pertama yang mungkir, meskipun IMF tidak menggunakan istilah "mungkir.")

Sekiranya harga minyak jatuh lebih rendah lagi, keadaan ini akan memberikan cabaran yang besar bukan sahaja kepada Malaysia, tetapi juga terhadap ekonomi global.

Dalam *"How Much Debt is Too Much?,"* Robert Skidelsky mengakui wujud nisbah hutang/pendapatan yang "selamat" untuk isi rumah atau nisbah hutang/KDNK untuk kerajaan, tetapi mustahil untuk mengatakan secara tepat nisbahnya. Menulis untuk *Project Syndicate* akhir Januari 2016, Skidelsky memetik laporan 2015 yang dikeluarkan oleh McKinsey Global Institute, bahawa hutang isi rumah di banyak negara maju, berlipat ganda kepada lebih 200 peratus pendapatan antara tahun 2000 hingga tahun 2007.

Sementara itu, berlaku peningkatan besar dalam hutang kerajaan berikutan keruntuhan 2008 – 2009, misalnya kerajaan hutang kerajaan British, meningkat daripada hanya 40 peratus KDNK pada tahun 2007 kepada 92 peratus KDNK pada hari ini. Beliau juga membandingkan hutang kerajaan, iaitu antara Jepun yang nisbahnya 230 peratus KDNK dengan Greece 177 peratus KDNK, tetapi akibat lebih teruk di Greece berbanding dengan Jepun. Dalam hubungan ini, agihan pemiutang adalah penting: kebanyakan pemegang bon Jepun adalah nasional (kalaupun bukan bank pusat) dan mempunyai kepentingan terhadap kestabilan politik; kebanyakan pemegang bon Greece ialah bank asing.

Inisiatif penstrukturan dan pengubahsuaian Belanjawan 2016, lebih bertujuan bagi memastikan pertumbuhan yang mapan dan memastikan wujud kesan lelehan daripada pertumbuhan itu. Seperti yang dijanjikan oleh Perdana Menteri, "Kerajaan akan meneruskan langkah perbelanjaan berhemat dengan mengutamakan program dan projek berimpak tinggi berpasakkan falsafah *people economy* (ekonomi rakyat)." ●